



MAJLIS DAERAH MARUDI
KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor-kontraktor yang mempunyai pendaftaran yang ditetapkan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah bagi Bidang Bekalan dan Perkhidmatan di bawah adalah dipelawa untuk menyertai sebutharga berikut;

Bil.	Nombor dan Tajuk Sebutharga	Pendaftaran Lesen(Nyatakan Kategori, Kepala / Sub Kepala))	Yuran Dokumen (RM)	Jenis Tawaran	Tarikh Tutup dan Penyerahan Dokumen Sebutharga
1.	MDM/KA/ST/11 – MEMBEKAL TONG SAMPAH MGB 240 DAN MGB 660 KEPADA MAJLIS DAERAH MARUDI BAGI TAHUN 2025.	Kategori: C ke atas; Kepala: VI atau VII; Sub Kepala: 2 atau 3.	50.00 (Tidak dikembalikan).	Terbuka (Bumiputera & Bukan Bumiputera.	Rabu; 13 Ogos 2025; 12:00 tengah hari.

2. Dokumen sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat setelah pembayaran dilakukan untuk yuran dokumen (**pada dan selepas 06 Ogos 2025**) dalam bentuk wang tunai dan hanya dijual kepada kontraktor yang sah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.
3. Kontraktor / wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis hendaklah membawa sijil pendaftaran ASAL serta salinannya yang telah diakui sah yang dikeluarkan oleh Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) semasa membeli dokumen.
4. Dokumen sebutharga yang dikemukakan harus disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut;
- Sijil Pendaftaran Perniagaan;
 - Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ;
 - Profail Syarikat; dan
 - Penyata Bank untuk Tiga(3) Bulan Terkini.
- Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Sebutharga Majlis berhak menolak tawaran sebutharga.
5. Dokumen sebutharga yang telah sempurna diisi hendaklah dimeterai dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **Tarikh Tutup, Nombor Sebutharga** serta **Tajuk Sebutharga** dan perlu dimasukkan ke dalam peti tawaran sebutharga beralamat seperti berikut;

**Setiausaha,
Majlis Daerah Marudi,
P.O. Box 374,
98050 Marudi, Baram.**

6. Tarikh tutup bagi sebutharga tersebut di atas adalah pada **13 Ogos 2025** jam **12:00 tengah hari** dan sebarang dokumen sebutharga yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.
7. Tempoh sah laku sebutharga hendaklah 90 hari dari tarikh tutup.
8. Majlis Daerah Marudi tidak terikat untuk menerima tawaran **sebutharga terendah** atau **mana-mana tawaran sebutharga**.

**Setiausaha,
Majlis Daerah Marudi.**

Tarikh: 06 Ogos 2025.